

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/7/2010



Tidak perlu mansuh peperiksaan – Dr. M

KUALA LUMPUR 29 Julai – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) berkata, sistem peperiksaan yang diamalkan di sekolah-sekolah di negara ini tidak perlu dihapuskan sebaliknya perlu dikaji dan diperbaiki sepanjang masa.

Beliau berkata, adalah tidak salah untuk melaksanakan sistem pepe-

riksaan di sekolah seperti yang telah diamalkan sebelum ini.

“Tetapi jenis sistem peperiksaan yang ada ini sebenarnya adalah salah. Kita perlu mengkaji semula dan memperbaikinya daripada memansuhkan sistem yang ada,” katanya di dalam blog <http://chedet.co.cc>.

Dr. Mahathir mengulas cadangan

um - 30/7/2010
kerajaan sebelum ini untuk memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada masa depan.

Ia kerana aspek pembelajaran ketika ini dilihat lebih berorientasikan peperiksaan sehingga tujuan utama untuk memberikan pendidikan holistik tidak dapat dilaku-

kan sepenuhnya.

Cadangan tersebut mendapat pelbagai reaksi daripada banyak pihak yang tampil dengan pelbagai pandangan mengenainya.

Dr. Mahathir berkata, dalam usaha kerajaan memastikan setiap rakyatnya mendapat pendidikan, kualiti pendidikan sedia ada juga perlu terus diperbaiki.